



ROLAND (tengah, bertopi) menjulang trofi bersama Faez di sebelah kirinya serta ahli pasukan dan tetamu.

Roland, Sajeymee juara Borneo Safari 2023

GL Oh

KOTA KINABALU: Pasangan veteran Roland Liew Sue Khiong dan Sajeymee Janish merangkul kejuaraan Cabaran Off Road Antarabangsa Borneo Safari ke-31 2023 pada Ahad.

Mereka yang mewakili Powergine Enterprise Sdn Bhd, melupakan kekecewaan tahun lalu apabila tewas tipis kepada Wong Su Bin dan Rudia Yansyah Nge Nre untuk merangkul gelaran pertama mereka dan membawa pulang Trofi Cabaran serta hadiah bernilai RM90,000 pada majlis penyempitan hadiah yang diadakan di Dewan Hakka Likas pada Ahad.

Mereka mengumpul sejumlah 920 mata dari 12 Peringkat Khas (SS) yang diadakan di pelbagai lokasi sekitar Keningau, Sook dan Ranau sepanjang seminggu.

"Kami bertekad untuk membuktikan

mereka yang meragui kami selepas kekecewaan tahun lalu dan kami telah bekerja keras untuk membina kereta pertandingan kami dan syukur kerja berpasukan dan dedikasi kami mendapat ganjaran dengan kami membawa pulang trofi juara.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli pasukan serta penaja yang menyokong misi Borneo Safari 2023 kami, tanpa sokongan mereka, kami tidak mungkin dapat merealisasikan impian ini," katanya.

Naib juara dan hadiah bernilai RM58,000 menjadi milik Chang Ket Kiun dan Alexander Chang dengan 905 mata, manakala juara Borneo Safari dua kali, Liew Fui Kong dan Yong Yee Lon menduduki tempat ketiga dengan 882 mata untuk menerima hadiah RM37,500.

Presiden Persatuan Pacuan Empat Roda Sabah (SFWD), Faez Nordin

mengucapkan tahniah kepada para pemenang serta peserta di mana lebih 1,500 orang terlibat.

Beliau juga berterima kasih kepada Isuzu Malaysia Sdn Bhd kerana menjadi Penaja Berlian serta UMW Grantt International Sdn Bhd kerana meneruskan sokongan mereka sebagai Penaja Platinum termasuk Penaja Emas dan Penaja Perak.

Turut hadir pada majlis makan malam penutupan ialah Setiausaha Perhubungan Istana Seri Kinabalu, Datuk Haji Mohd Rashid Dato' Mohd Tahir; Wakil Ketua Pegawai Operasi Isuzu Malaysia Sdn Bhd, Masaki Terashima; Pengarah Kumpulan Bahagian Pembuatan & Kejuruteraan UMW Grantt International Sdn Bhd, Anas Nasrun Mohd Osman dan wakil Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sabah, TC Syanman Latif.



Pasukan Liga Super musim depan wajib sertai Piala Presiden, Piala Belia

PETALING JAYA: Kesemua kelab Liga Super berdepan cabaran baharu bermula musim hadapan apabila masing-masing diwajibkan menghantar pasukan bertanding dalam saingan Piala Presiden dan Piala Belia. Perkara itu diputuskan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif badan induk itu yang dipengerusikan Presidennya Datuk Hamidin Mohd Amin di Wisma FAM, Kelana Jaya, di sini pada Isnin.

Namun, perkembangan itu dilihat memberi bebanan kepada beberapa kelab terutama dalam aspek kewangan apabila perlu mempersiapkan dua lagi pasukan selain skuad utama yang beraksi dalam Liga Super dan skuad Bawah 23 Tahun (B-23) dalam saingan Piala MFL.

Menjelaskan perkara itu, Timbalan Presiden FAM, Datuk Mohd Yusoff Mahadi berkata keputusan itu bagi memastikan usaha pembangunan akar umbi diteruskan.

"Sekarang ini FAM harapkan pasukan cari satu langkah sebab kita tak boleh nak tinggalkan aspek pembangunan, ia perlu. Semua pasukan kena ada, kalau tak macam mana kita nak lahirkan pemain. Jadi maknanya kalau pasukan berbelanja RM10 juta, mereka kena peruntukkan juga untuk pembangunan.

"Kalau kita tak buat macam itu

mereka mungkin belanja RM15 juta, RM20 juta, tetapi pembangunan tak ada. Kita mahu pasukan yang berusaha nak pastikan prestasi terbaik bagi pasukan utama dan dalam masa sama fikirkan pembangunan akar umbi," katanya pada sidang media selepas mesyuarat itu.

Beliau tidak menolak kemungkinan masalah akan timbul disebabkan perkara itu, namun menegaskan setiap kelab perlu bijak menguruskan kewangan.

Saingan Piala Presiden bagi peringkat umur Bawah 20 Tahun (B-20) dijadual bermula pada Februari hingga Ogos tahun depan manakala Piala Belia (B-18) akan bermula April hingga September disebabkan bertembung dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sementara itu, Jawatankuasa Eksekutif FAM pada Isnin bersetuju untuk melancarkan fasa kedua Pea Hala Tuju FAM iaitu F30 pada Sabtu iii. Fasa kedua F30 dari 2023 hingga 2026 memfokuskan untuk menguasai peringkat Asia Tenggara dan mencair pentas Asia dalam bola sepak.

Pada masa sama, mesyuarat itu bersetuju saingan Liga Wanita Nasional (LWN) 2024 akan dilangsungkan bermula April dengan format pertandingan akan diperincikan kemudian. - Bernama



PASUKAN Main Dojo bersama pegawai.

Main Dojo juara Kejohanan Karate Sekolah Rendah Negeri Sabah ke-24